

# Usim tawar kursus BSKN

**SEREMBAN** – Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), semalam menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi penawaran kursus Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) sebagai satu daripada kursus kokurikulum berkecuali di universiti berkenaan.

Pada majlis itu, JLKN diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Hadi Awang Kechil; manakala Usim diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Asma Ismail dan disaksikan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim Bakri.

Abdul Rahim berkata, Kementerian Pertahanan dan JLKN melaksanakan inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru dengan menjadikan BSKN sebagai subjek kokurikulum berkecuali di Usim.

Beliau berkata, kerjasama antara kedua-dua pihak itu merupakan perintis dan sekiranya ia dapat menjana kesan positif, ia boleh diperluaskan ke IPT lain.

"Saya difahamkan pelaksanaan kursus ini sudah bermula pada semester pertama sesi 2013/14 dan kursus ini hanya ditawarkan kepada bekas pelatih Program Latihan



**Abdul Rahim (tengah) menyaksikan pertukaran MoA bagi kursus BSKN antara Abdul Hadi dan Dr Asma, semalam.**

Khidmat Negara (PLKN).

"Adalah menjadi harapan kita semua agar bekas pelatih PLKN ini dapat meneruskan kesinambungan ilmu dan pengetahuan yang ditimba semasa menjalani PLKN ke dalam kehidupan seharian dan yang paling utama dapat menyumbang kepada masyarakat dan negara," katanya.

Beliau berkata, objektif pelaksanaan BSKN ini adalah bagi melahirkan sukarelawan yang bertanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat dan cintakan negara.

Sementara itu, Dr Asma berkata, Usim memulakan langkah strategik ini dengan

membina reputasi sebagai IPT pertama yang merintis usaha penubuhan BSKN di IPT.

"BSKN merupakan satu kokurikulum berkecuali di bawah Teras Kesukarelawan Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI) yang ditawarkan untuk empat semester dan setiap semester menawarkan satu jam kredit.

"Sukarelawan adalah suatu karakter utama yang diperlukan apabila mendekati masyarakat, jadi inilah satu peluang yang saya rasakan pertama kali berlaku di peringkat IPT dengan membabitkan kursus kokurikulum berkecuali," katanya.